

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA: 4(B)(V)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

15. Bilakah laluan ke Empangan Air Itam akan dibuka semula atau kawasan itu akan digazetkan sebagai kawasan larangan kepada orang awam?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

15. Empangan Air Itam telah dibina pada 1962 dengan kapasiti 2.61 juta meter padu terletak di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Empangan ini disenaraikan sebagai kawasan larangan dan sasaran penting kategori 2 sebagaimana peruntukan yang terkandung didalam Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Disemak - 1983) Akta 298.

Laluan utama dari persimpangan besar Jalan Paya Terubong menghala ke Empangan Air Itam terpaksa ditutup untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan dan cerun disebabkan berlakunya tanah runtuh pada bulan November 2017 akibat hujan yang luar biasa.

Penutupan Jalan Empangan Air Itam untuk kerja-kerja tersebut adalah selama 8 bulan. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah melantik kontraktor menerusi Lembaga Tender pada 06 Julai 2018 dimana kerja tersebut bermula pada 23 Julai 2018 dan dijangka siap pada 22 November 2018. Pembukaan laluan tersebut akan dimaklumkan oleh PBAPP selepas kerja-kerja

penyelenggaraan sepanjang jalan ke Empangan Air Itam siap sepenuhnya.